

1984

KUALA LUMPUR, 28 MAC (BERNAMA) -- KEDUA-DUA ORANG TIMBALAN MENTERI YANG DIPECAT DARIPADA MCA BARU-BARU INI TELAH MELETAK JAWATAN Masing-masing D A L A M KERAJAAN BERKUATKUASA MULAI HAARI INI. MEREKA IALAH TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, DATUK DR. LING LIONG SIK DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK LEE KIM SAI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA KEDUA-DUA TIMBALAN MENTERI ITU MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN Masing-masing ATAS NASIHAT BELIAU.

DATUK LEE YANG JUGA KETUA PEMUDA MCA MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA KEPADA SETIAUSAHA PERIBADI PERDANA MENTERI PUKUL 11.30 PAGI KETIKA DATUK SERI D R. MAHATHIR SEDANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KABINET.

BELIAU JUGA MENEMUI SETIAUSAHA POLITIK PERDANA MENTERI, MEGAT JUNIO AYUB SEBELUM MENINGGALKAN PEJABAT ITU PUKUL 12.30 TENGAH HARI.

BERNAMA JUGA DIFAHAMKAN YANG DATUK DR. LING MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA PETANG INI. --- LAGI 1655/MB

+MEREKA MELETAKKAN JAWATAN ATAS NASIHAT SAYA. SUDAH TENTULAH MEREKA TERPAKSA BERBUAT DEMIKIAN MEMANDANGKAN YANG MEREKA TIDAK LAGI MENJADI ANGGOTA MCA, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI D R. MAHATHIR BERKATA BELIAU HEMPUNYAI HAK ISTIMEWA UNTUK MELUCUTKAN JAWATAN KEDUA-DUA TIMBALAN MENTERI ITU DAN KEPUTUSANNYA TIDAK DIBUAT ATAS NASIHAT PEMANGKU PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEE PAN

+TIDAK TIMBUL SOAL DATUK DR. NEO MENDESAK SAYA 8" PAYA MEMECAT KEDUA-DUA ORANG ITU DARI KERAJAAN, + KATA DATUK SERI D R. MAHATHIR.

+ADALAH MENJADI TANGSUNGJAWAB SAYA MEMECAT MEREKA DAN SAYA SENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN ITU. +

DATUK SERI D R. MAHATHIR BERTEMU DENGAN DATUK DR. LING DAN DATUK LEE SEMALAM UNTUK MEMBERITAHU MEREKA MENGENAI KEPUTUSANNYA MENAMATKAN PERKHIDMATAN MEREKA DENGAN KERAJAAN. -- LAGI 1700/MB

MAHATHIR - LETAK 3, KUALA LUMPUR

SUMBER-SUMBER MENYATAKAN BAHAWA DATUK DR. NEO DIJANGKA MENGE-MUKAKAN KEPADA PERDANA MENTERI MINGGU INI SENARAI CALON UNTUK MENGGANTIKAN KEDUA-DUA TIMBALAN MENTERI ITU.

DATUK DR. LING DAN DATUK LEE ADALAH ANTARA 14 ORANG ANGGOTA MCA YANG DIPECAT DARIPADA PARTI ITU KERANA MENJALANKAN KEGIATAN YANG DISIFATKAN OLEH PUCUK PIMPINAN PARTI ITU SEBAGAI MEMUDARATKAN KEPENTINGAN PARTI. -- BERNAMA